

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 JANUARI 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Banjir kilat landa beberapa kampung di Labuan	BERNAMA
2.	ATM sediakan 16,000 anggota untuk tugas menyelamat mangsa banjir di Sarawak	BERNAMA
3.	Biggest palm oil output slump since 2006	The Star

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 JANUARI 2015 (SELASA)



Banjir Kilat Landa Beberapa Kampung Di Labuan

LABUAN, 12 Jan (Bernama) -- Hujan berpanjangan menyebabkan beberapa kampung di pulau bebas cukai ini dilanda banjir kilat tengah malam Ahad dan mencetuskan suasana cemas dalam kalangan penduduk.

Penduduk kampung Simpang 20 Batu Manikar dan Pohon Batu bimbang rumah mereka akan teruk dinaiki air seperti yang berlaku sebelum ini.

Beberapa kawasan rendah di kampung itu teruk dilanda banjir apabila sebahagian tembok longkang besar, juga runtuh.

Ketua kampung Kg Batu Manikar Ismail Samad mengesahkan empat rumah terjejas teruk dalam kejadian itu.

Beliau mengingatkan penduduk supaya bersiap sedia menghadapi kemungkinan dilanda pokok hanyut, banjir lumpur dan angin kencang, memandangkan kampung itu terletak berhampiran kawasan berbukit dan laut.

Pengarah Bomba dan Penyelamat Labuan Zainal Madasin bersama 20 anggota jabatan itu dan para pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran, melawat kampung terjejas, Isnin.

Katanya, beberapa tempat di kampung Simpang 20, Batu Manikar dilanda banjir kilat mulai kira-kira pukul 10 malam Ahad.

Beliau berharap pihak berkuasa tempatan akan memantau kegiatan penarahan bukit yang boleh menyebabkan berlaku banjir lumpur dan tanah runtuh.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Nadzri Osman berkata sebelum ini, ketua kampung diperingatkan supaya mengadakan gotong royong di tempat masing-masing bagi meminimumkan kejadian banjir kilat.

"Tidak sampai dua minggu lepas, saya bermesyuarat dengan para ketua kampung tentang langkah membersihkan longkang bagi mencegah banjir kilat," katanya.

Sementara itu, **Jabatan Meteorologi** mengeluarkan amaran bahawa angin kencang dan laut bergelora akan berlaku di perairan Labuan, termasuk di kawasan pelantar minyak.

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia pula mengingatkan pengendali kapal supaya berhati-hati dan menasihati pengguna bot kecil agar tidak ke laut dalam tempoh itu.

--BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 13 JANUARI 2015 (SELASA)



ATM Sediakan 16,000 Anggota Untuk Tugas Menyelamat Mangsa Banjir Di Sarawak

KUCHING, 12 Jan (Bernama) -- Sejumlah 10,000 anggota tentera dari Markas Satu Divisyen, Kem Muara Tuang dekat sini dan 6,000 askar wataniah akan dikerahkan untuk tugas menyelamat mangsa banjir sekiranya negeri ini dilanda bencana itu.

Panglima Markas Satu Divisyen Mejah Jeneral Datuk Stephen Mundaw berkata anggota tentera dari Sabah akan turut dikerahkan sekiranya banjir melanda Bahagian Lawas dan Limbang.

Setakat ini 6,000 anggota askar wataniah sudahpun ditempatkan di kawasan-kawasan yang dijangka dilanda banjir, katanya kepada Bernama selepas taklimat pengurusan bencana banjir negeri Sarawak di Wisma Bapa Malaysia di sini hari ini.

Taklimat berkenaan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Sementara itu dalam sidang akhbar selepas taklimat berkenaan, Jabu berkata jumlah anggota penyelamat dari pelbagai agensi termasuk polis, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan adalah mencukupi bagi tugas-tugas menyelamat sekiranya banjir melanda negeri ini.

Jabu berkata, walaupun **Jabatan Meteorologi** menjangka tidak akan berlaku banjir serius di negeri ini, tetapi memandangkan musim hujan dijangka berlanjutan sehingga Mac tahun ini maka persiapan rapi tetap dilakukan bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"Melihat banjir teruk yang melanda beberapa negeri di Semenanjung Malaysia maka kita telah membuat persiapan yang rapi bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya.

Katanya, taklimat hari ini meliputi perkara-perkara seperti mekanisme pengurusan bencana negara, struktur pengurusan bencana negeri Sarawak dan kesiapsiagaan aset dan anggota dalam tindak balas pengurusan bencana di negeri ini.

Menurut Jabu sebanyak 600 pusat pemindahan sudah dikenal pasti selain beberapa pangkalan hadapan di kawasan-kawasan strategik di setiap daerah di negeri ini untuk menyimpan bekalan makanan dan keperluan lain.

Di samping itu, katanya sebanyak 180 pembekal makanan dan barang keperluan lain sudahpun dikenal pasti sementara setiap daerah akan dibekalkan dengan 50 jaket keselamatan.

--BERNAMA

BIGGEST palm oil output slump since 2006

KUALA LUMPUR: After the deluge, the reckoning. Palm oil output in Malaysia fell by the most in eight years after floods hit plantations in the second-largest producer, according to official data that showed a bigger decline than expected.

Output tumbled 22% to 1.36 million tonnes last month from November, the biggest drop since December 2006, the Palm Oil Board said. That compares with a 1.46 million-tonne estimate in a *Bloomberg* survey published last week.

Reserves fell 12% to 2.01 million tonnes, smaller than the 2.05 million tonne median estimate. Exports rose 0.4% to 1.52 million tonnes, while the survey showed a 2% drop.

Futures surged to a six-month high last week on concerns that the worst floods in decades in Peninsular Malaysia hurt harvesting, exacerbating the impact of a seasonal decline in output in the world's most-used edible oil.

The heavier-than-usual monsoon

rains displaced hundreds of thousands, while damaging roads and bridges.

Production may also be weaker in January and February, according to Chandran Sinnasamy, executive director at LT International Futures.

"The tightness in nearby oil supplies will support the price," Chandran said by phone from Kuala Lumpur. "At the same time, poor exports for the current month will limit the gains."

Futures rose as much as 0.6% to RM2,361 a tonne on Bursa Malaysia Derivatives yesterday and ended the morning session 0.2% higher at RM2,352. Prices climbed to RM2,383 on Jan 9, highest level since July.

Exports dropped 13% to 355,846 tonnes in the first 10 days of January from the same period a month earlier, surveyor Intertek said yesterday. Malaysia's palm imports fell 8.7% to 90,353 tonnes last month from November, board data showed.

The year-end monsoon that hit the east coast of Peninsular Malaysia

resulted in the worst floods since 1972, according to Maybank Investment Bank Bhd.

Prolonged flooding and heavy rain would result in lower yields in the months to come as pollination will be affected, with a lagged impact on production, although it's hard to quantify, analyst Ong Chee Ting, wrote in a report dated Jan 6.

Output in the three east coast states on Peninsular Malaysia hit by floods – Kelantan, Terengganu and Pahang – fell 28% in December from a year earlier, board data show.

Production for the whole country climbed 2.3% to 19.67 million tonnes in 2014 from 19.22 million tonnes in 2013.

Isolated rains and thunderstorms were predicted over parts of Sabah and Sarawak until Jan 18, while Johor might see intermittent showers, the Malaysian Meteorological Department said on its website.

The three states are the largest producers in the country. – Bloomberg